

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS
[JERANTUT]**

TARIKH : 7 OKTOBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

DATO' HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS [JERANTUT] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan penyebab kenaikan harga minyak masak yang ketara dan membebankan pengguna serta tindakan Kementerian bagi mengawal agar harga tidak terus meningkat lagi.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Kenaikan harga minyak masak yang ketara pada awal tahun ini berpunca daripada permintaan yang tinggi terhadap komoditi minyak sawit seterusnya memberikan kesan kepada harga minyak masak. Peningkatan harga minyak sawit adalah selari dengan peningkatan permintaan minyak kacang soya berikutan pengeluaran yang rendah akibat daripada pandemik Covid-19. Peningkatan harga minyak kacang soya yang tinggi di pasaran antarabangsa juga menyebabkan minyak sawit digunakan sebagai alternatif memandangkan kosnya yang lebih rendah berbanding minyak kacang soya.

Sebagai langkah untuk mengawal peningkatan harga, Kerajaan telah memperkenalkan Program Mekanisme Kawalan Harga Minyak Masak iaitu kawalan harga maksimum jualan minyak masak sawit tulen di dalam

botol (1kg, 2kg, 3kg dan 5kg) supaya ianya tidak membebankan pengguna.

Kerajaan telah mewartakan harga maksimum jualan minyak masak sawit tulen botol di peringkat runcit iaitu 1kg - RM6.70, 2kg - RM12.70, 3kg - RM18.70 dan 5kg - RM29.70.

Langkah-langkah ini diambil bagi memastikan kestabilan minyak masak paket dan botol untuk keperluan pengguna domestik. Antara tindakan yang dilaksanakan oleh KPDNHEP bagi memastikan kestabilan bekalan minyak masak paket (1kg) di pasaran adalah seperti berikut:

- a) Menggerakkan pemeriksaan harian di seluruh negara bagi **memantau keberadaan (*availability*) bekalan minyak masak** di pasaran. Pemeriksaan dibuat ke atas minyak masak paket bersubsidi 1kg termasuk minyak botol empat (4) jenis iaitu 1kg, 2kg, 3kg dan 5kg. Tindakan proaktif dalam menjalankan pemeriksaan harian juga dilaksanakan ke atas **premis-premis perniagaan runcit, borong dan juga pengilang** bagi memantau tahap keberadaan (*availability*) dan kedudukan bekalan 10 jenis barangan asas di pasaran. Kementerian memantau ke atas 2,711 peruncit daerah terpilih, 1,039 pemborong daerah terpilih dan 223 pengilang daerah terpilih yang meliputi 222 Parlimen dan 576 DUN.
- b) Penguatkuasaan **OPS GORENG 4.0** dilaksanakan merujuk pengauditan dan naziran secara berkala oleh Kementerian ke atas kilang-kilang pembungkus minyak masak bagi mengekang aktiviti sorok, ketirisan dan penyelewengan minyak masak bersubsidi bagi mengelak kekurangan bekalan di pasaran.

Sekian, terima kasih.